



Jumaat, September 02, 2016

MENGENAI KAMI PENYELIDIKAN AKADEMIK JARINGAN ANTARABANGSA KEHIDUPAN KAMPUS PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

**UPM anjur persidangan antarabangsa pembangunan hutan mapan**



Oleh: Noor Eszereen Juferi  
Foto: Marina Ismail

**SERDANG, 9 Ogos 2016** – Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan International Conference on Sustainable Forest Development in view of Climate Change (SFDCC 2016) membincangkan isu-isu pembangunan hutan mapan dengan mengambil kira faktor perubahan iklim di dalam strategi dan pelan pembangunan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pengurusan SFDCC 2016 bertepatan kerana kini terdapat banyak persoalan bagaimana sumber hutan dapat diuruskan secara mapan di masa hadapan dengan mengambil kira kesan daripada perubahan iklim.

"Perubahan iklim memberi kesan peningkatan suhu, perubahan rejim hujan dan ekologi hutan untuk jangka masa panjang. Justeru, kajian berkaitan dengan perubahan iklim serta strategi perlu dilakukan untuk memastikan bekalan hutan yang mapan serta fungsi hutan tidak terjejas agar dapat dimanfaatkan kepada generasi masa depan," katanya.

Beliau berharap peserta persidangan meningkatkan jaringan kerjasama supaya dapat menggembungkan tenaga ke arah mencari kaedah penyelesaian serta merancang strategi yang bertepatan dengan isu-isu berkaitan.



Pengerusi SFDCC 2016, Prof. Madya Dr. Seca Gandaseca pula berkata SFDCC 2016 mengumpulkan hampir 200 penyelidik, ilmuwan dan pembuat polisi perhutanan daripada pelbagai bidang berkaitan dengan perhutanan dari 17 negara.

"Persidangan ini bertujuan menyebarkan luas penemuan-penemuan kajian terkini berkaitan pelbagai bidang perhutanan dari hidrologi, operasi, biodiversiti, ekonomi, pelancongan dan lain-lain dengan mengambil kira faktor perubahan iklim."

"Isu-isu berkaitan pembangunan hutan secara mapan menjadi inti utama perbincangan kali ini," katanya.

Persidangan itu dianjurkan dengan kerjasama International Union of Forest Research Organization (IUFRO), Asia-Pacific Association of Forestry Research Institutions (APAFRI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), la dibayai oleh Sarawak Timber Association (STA) dan Malaysian Timber Council (MTC). – UPM